

Tiada lagi had masa

Pindaan peraturan pada 29 November imbangi keperluan industri sektor peruncitan

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my


Seberang Jaya: Berkuat kuasa Khamis depan, peniaga dibenarkan mengadakan jualan murah tanpa had masa berbanding empat kali setahun pada masa ini.

Ia berikutan pewartaan pindaan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan) 2019 yang turut menyaksikan jualan murah kurang daripada tiga hari tidak diperlukan notis manakala lebih tiga hari diwajibkan memaklumkan menerusi notis sehari sebelum jualan dimulakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata peraturan itu dipinda pada 29 November lalu, yang mana ia sudah melalui lima kali pindaan sejak diperkenalkan pada 1997.

"Matlamat pindaan yang dilaksanakan tahun ini adalah untuk menambah baik peruntukan peraturan bagi mengimbangi keperluan industri dalam sektor peruncitan dan aspek perlindungan hak pengguna," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Kembali Ke Sekolah bersama

jualan murah





Saifuddin bersama sebahagian daripada 150 pelajar kurang mampu sekitar Parlimen Permatang Pauh bergambar selepas Program Kembali Ke Sekolah bersama Tesco di Seberang Jaya, semalam.

(Foto Ramdzan Masiam/BH)

Kementerian
tak sesekali abai
aspek perlindungan
hak pengguna dan
peruntukan itu akan
menjamin perniagaan
jualan murah diadakan
dengan lebih beretika.

Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Tesco di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menyampaikan bantuan barang keperluan sekolah kepada 150 murid keluarga kurang berkemampuan di sekitar Parlimen Permatang Pauh.

Yang hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar dan Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Abdul Ghafar.

Saifuddin berkata, kementerian juga mewujudkan peruntukan kesalahan kepada peniaga yang membuat pernyataan palsu atau mengelirukan dalam iklan jualan murah.

"Kementerian tidak sesekali mengabaikan aspek perlindungan hak pengguna dan peruntukan itu, akan menjamin perniagaan jualan murah diadakan dengan lebih beretika," katanya.

Pada masa ini, peniaga hanya dibenarkan untuk mengadakan jualan murah empat kali setahun, iaitu tiga kali ditetapkan oleh kementerian dan sekali dipilih peniaga.

Tiga pilihan kementerian ialah jualan awal tahun, karnival jualan mega dan jualan akhir tahun manakala satu lagi dipilih peniaga.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata, kementerian memberi jaminan bekalan bawang mencukupi, termasuk ketika sambutan Tahun Baharu Cina bulan depan.

Katanya, kerajaan mengimport bawang dari tiga negara selepas India selaku pembekal bawang terbesar negara, terpaksa menghentikan eksport atas beberapa faktor.

"Saya sudah beri arahan kepada pegawai supaya meneliti laporan BH dan melakukan penyiasatan kerana hanya BH yang melapor-kannya," katanya.

HARI : AHAD
TARIKH : ..
M/SURAT : 29/12/2019
35